

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SAW 200 - Teori Sosial I

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TUJUH soalan sahaja. DUA soalan dipilih dari Bahagian A, EMPAT dipilih dari Bahagian B dan SATU soalan dipilih dari Bahagian C. Baca soalan-soalan dengan teliti dan cermat.

Bahagian A

Pilih DUA soalan sahaja.

1. E. Durkheim terkenal dengan bukunya SUICIDE (Bunuh diri). Terangkan kedudukan buku ini dalam rangka teoritis Durkheim. Apakah yang cuba dijelaskan oleh beliau melalui buku ini.
(20 Markah)
2. Max Weber terkenal dengan sumbangannya terhadap beberapa perkaedahan (methodology) dalam sosiologi. Jelaskan satu dari sumbangan ini dan apakah pengaruhnya terhadap teori Parsons.
(20 Markah)
3. Karl Marx mendahului Weber dan Durkheim. Apakah yang tidak disenangi oleh kedua-dua ahli teori ini terhadap Marx berpandukan tulisan Anthony Giddens.
(20 Markah)
4. Jelaskan kritikan-kritikan Marx terhadap ahli-ahli ekonomi-politik klasik. Nyatakan sumbangan Marx terhadap teori sosiologi dan antropologi.
(20 Markah)

Bahagian B

Pilih EMPAT soalan dari enam soalan berikut.

5. Teori konflik dalam sosiologi boleh dilihat dari tiga sudut. Jelaskan sudut-sudut tersebut dengan memberi contoh-contoh yang konkrit dan apakah hubungannya dengan persoalan buruh di kilang-kilang. (10 Markah)
6. Bezakan pandangan mengenai individu dalam masyarakat mengikut G.H. Mead, Charles Horton Cooley dan Erving Goffman. Sejauhmanakah Interaksi Simbolik penting dalam kajian mengenai tindakan sosial. (10 Markah)
7. Siapakah pengasas "fenomenologi"? Bezakannya dengan "etnometodologi" dan "social construction of reality". Jelaskan dengan memberi contoh-contoh yang konkrit. (10 Markah)
8. Huraikan perkembangan awal "critical theory" dan apakah sumbangannya terhadap sosiologi. (10 Markah)
9. G. Lukacs boleh dianggap sebagai seorang Hegelian Marxist. Apakah sumbangan beliau mengikut Ian Craib. (10 Markah)
10. Bezakan diantara beberapa pandangan mengenai "strukturalisme". Apakah hubungannya dengan Marxisme. (10 Markah)

Bahagian C

Pilih SATU soalan sahaja dari dua soalan.

11. Di mana letaknya sumbangan "J. Habermas" ATAU "M. Foucault" dalam perkembangan teori-teori sosiologi mengikut pandangan Ian Craib. Apakah kaitan beliau dengan T. Parsons dan Marx. (20 Markah)
12. "Feminisme" ATAU "Globalisme" merupakan aliran baru dalam pendekatan teori-teori sosiologi dan antropologi. Apakah isu-isu pokok yang dibawa oleh aliran ini. Kenapa ia penting untuk kajian masyarakat Malaysia. (20 Markah)